

Wujudkan falsafah pengurusan sendiri

BH 28 MAY 1994

Oleh Izman Ismail

KUALA LUMPUR, Jumaat - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mahu negara mempunyai "falsafah pengurusan sendiri yang menggabungkan peranan pemilik, pemegang saham dan pengurus, bukannya bergantung kepada profesional semata-mata.

Perdana Menteri berkata, walaupun golongan profesional bertanggungjawab menguruskan perniagaan, miliklah yang mempunyai kata pemutus dalam pengurusan sesebuah syarikat.

Sehubungan itu, katanya, falsafah pengurusan Malaysia harus memberikan peranan penting kepada pemilik kerana perniagaan bukanlah bidang yang boleh diuruskan sepenuhnya oleh profesional.

Golongan profesional, kata Dr Mahathir, perlu menentukan bahawa pentadbiran perniagaan secara betul dan sempurna serta memastikan setiap cabang perniagaan berfungsi dengan berkesan.

"Mereka perlu dilengkapi dengan kaedah pengurusan dan inovasi teknologi mutakhir. Mereka perlu inovatif dalam pengurusan dan kemajuan syarikat. Lebih daripada itu, mereka mesti tahu mengendalikan manusia termasuk ahli lembaga pengarah.

"Bagaimanapun, profesional mesti menerima hakikat bahawa pemilik iaitu pemegang saham dan tuan punyalah, pada analisis terakhir, mesti mempunyai kuasa yang lebih dalam pengurusan sesebuah syarikat.

"Pengurus profesional mungkin boleh menghadapi kerugian jika syarikat gagal kerana bukan mereka yang menanam

modal. Bagaimanapun, pemilik akan kehilangan segala-galanya yang mereka keluarkan," katanya berucap di majlis makan malam Kelab Harvard Malaysia, di sini malam ini.

Perdana Menteri berkata, semakin banyak syarikat milik keluarga berkembang menjadi syarikat gergasi dan bagi menambah modal, mereka mengubahnya kepada syarikat awam yang tentu tidak boleh ditadbirkan seperti sebuah syarikat keluarga lagi.

"Oleh itu, jika syarikat ini hendak berkembang, mereka mesti menerima kaedah pengurusan baru. Adakah mereka perlu meniru kaedah Amerika dan Jepun atau mempunyai falsafah pengurusan sendiri.

"Di Amerika, golongan eksekutif dan profesional dianggap terlalu penting sehingga pemegang saham kehilangan pengaruh dan fungsi dalam sesebuah syarikat," katanya.

Menurut Dr Mahathir, falsafah pengurusan di Amerika dan Barat kini ketinggalan kerana mereka terlalu bergantung kepada profesional sehingga syarikat terpaksa menanggung kerugian akibat bayaran bonus yang terlalu besar.

Beliau berkata, pada 1993 sebahagian besar Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) di Barat mendapat imbuhan 150 kali ganda berbanding paras gaji biasa yang pernah dibayar oleh syarikatnya.

Sebagai contoh, katanya, seorang peniaga bon, Michael Milken mencatat rekod menerima gaji tertinggi iaitu AS\$550 (RM1.4 bilion) setahun. CEO

Negara perlu ada falsafah sendiri: PM

DARI MUKA 1

Walt Disney pula mendapat AS\$203 juta (RM527 juta) atau AS\$1.5 juta (RM3.9 juta) sehari dan CEO Travellers dengan ganjaran AS\$53 juta (RM137 juta).

"Malah di Amerika Syarikat, beberapa syarikat yang bankrup masih membayar ganjaran besar kepada eksekutif yang sebenarnya menjadi punca syarikat itu muflis," katanya.

Dr Mahathir berkata, walaupun bayaran gaji yang tinggi, bonus dan pemberian saham adalah baik, ia tidak sepatutnya keterlaluan. Oleh itu, sesebuah syarikat memerlukan ahli lembaga pengarah yang cekap bagi memastikan profesional dan eksekutif tidak membuat keputusan salah.

"Sepatutnya, lebih banyak peruntukan dibelanjakan untuk penyelidikan dan pembangunan (R&D), pembesaran dan mempelbagaikan bidang pelaburan syarikat," katanya.

Perdana Menteri berkata, berdasarkan pelbagai perkembangan itu, kerajaan mengamalkan dasar menghadkan pemilikan saham sebanyak 20 peratus dalam sesebuah bank bagi mengelak pemegang saham terbesar membuat 'kacau'.

Menurutnya, langkah yang sama sepatutnya dilaksanakan oleh sektor korporat supaya tidak ada pemegang saham majoriti kerana ia boleh menafikan pandangan orang lain.

"Dalam sebarang institusi, pandangan baik dan bernas harus diterima. Oleh itu, apabila semua pemegang saham adalah minoriti, maka pandangan yang bernas mesti mendapat sokongan terbanyak," katanya.

Sehubungan itu, Perdana Menteri menegaskan sudah sampai masanya proses perindustrian di negara ini mempunyai falsafahnya yang tersendiri selaras pelbagai perubahan semasa.